

Kepada : Semua Anggota
Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad

Tarikh : 19hb Oktober 2018

PEMBAYARAN DIVIDEN ATAS SAHAM KOOP SAHABAT SEBANYAK 4.5 % BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2017

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) kali ke-5 pada 30hb September 2018 telah mengisytiharkan agihan dividen yang dicadangkan bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2017 adalah sebanyak 4.5 % atas modal syer anggota yang telah disahkan dan layak bagi tahun 2017.

Sehubungan itu, Koop Sahabat akan membuat pembayaran agihan dividen bermula minggu ketiga Disember 2018 sehingga pertengahan Januari 2019 kepada semua anggota koperasi yang layak melalui akaun bank anggota itu sendiri secara berperingkat. Justeru, , anggota dimohon untuk mengaktifkan akaun bank masing-masing bagi melancarkan proses pembayaran. Jika pembayaran gagal dikreditkan ke akaun bank anggota, nilai dividen anggota itu akan dikreditkan ke akaun modal syer anggota.

Anggota boleh membuat semakan status keanggotaan dan agihan dividen dengan menghubungi **Pejabat Koop Sahabat (03-6270 1236)**; dan atau terus ke **Jabatan Keanggotaan di talian 011-1072 3138** atau emel kepada info@koopsahabat.my.

Pihak Lembaga dan Pengurusan Koop Sahabat merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih atas segala sokongan serta kerjasama yang diberikan oleh semua anggota Koop Sahabat yang telah mendorong ke arah kecemerlangan koperasi ini. Semoga segala sokongan dan kepercayaan yang baik ini akan berterusan demi kepentingan dan kesejahteraan Anggota Koop Sahabat.

Sekian, terima kasih

“Dari Sahabat, Kepada Sahabat, Untuk Sahabat”

Yang Benar,



Mohd Najib Bin Hj Mohd Noor
Setiausaha
Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad